
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

YKT 212 – Komunikasi dan Budaya

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN NO. 1** yang diwajibkan dan mana-mana **DUA [2]** soalan lain.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Beri takrifan kepada empat dari konsep berikut dengan menggunakan contoh tertentu:
 - a. budaya popular
 - b. ideologi
 - c. hegemoni
 - d. stail
 - e. industri budaya

2. Kemunculan fenomena yang dipanggil 'masyarakat massa' menimbulkan kebimbangan di kalangan pemikir elitis seperti Leavis dan Eliot serta golongan pemikir *Frankfurt School*. Hurai dan nilaikan kebimbangan dua golongan pemikir berkenaan.

3. Budaya melawan yang subur di Eropah dan Amerika Syarikat dari 1950an hingga ke 1970an merupakan satu pergerakan yang menentang nilai dan norma yang dipegang dan diamalkan oleh ahli masyarakat arus perdana. Huraikan ciri-ciri budaya melawan ini dan bincangkan perbezaan asas di antara budaya melawan dan budaya kecil.

4. Televisyen ialah salah satu media massa yang membentuk suatu realiti sosial. Bincang dakwaan ini dengan memberi contoh tertentu.

5. Modernisasi sebagai satu falsafah yang dipopularkan oleh beberapa orang pemikir politik dan komunikasi tertentu merupakan akar umbi kepada imperialisme budaya yang wujud terutamanya di negara membangun. Bincangkan dakwaan ini dengan mengambil kira teori pergantungan berserta contoh tertentu.